

Tiga Rumpun tidak wujud

26/2/88

SEREMBAN, Khamis — Sekumpulan anak-anak Waris Negeri di Darat daripada Perut Ulu hari ini mendakwa bahawa Rumpun Tinggang, Dusun dan Nyonyoi tidak pernah wujud dalam sejarah Luak Sungai Ujong.

Menurut mereka, nama ketiga-tiga Rumpun berkenaan juga tidak pernah tercatat dalam Salasilah Keturunan Waris Negeri di Darat serta isi kandungan Terombo Luak itu.

Sebaliknya, jurucakap mereka yang mendakwa mewakili sebilangan besar anak-anak Waris Negeri di Darat berkata ketiga-tiga Rumpun berkenaan wujud selepas kematian Undang Kesembilan Luak Sungai Ujong, Allahyarham Datuk Kelana Putra Mohd Kassim Datuk Nika Haji Abdul Rashid pada 28 Oktober 1983.

Dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini, beliau berkata Rumpun Dusun mempunyai Buapak yang bergelar Datuk Panglima Dalam, Rumpun Tinggang mempunyai Buapak bergelar Datuk Lela Raja dan Rumpun Nyonyoi mempunyai Buapak yang bergelar Da-

tuk Panglima Chinchang.

"Sebelum kematian Undang Kesembilan, ketiga-tiga Buapak ini adalah di bawah lingkungan (pentadbiran) Tua Waris Negeri Perut Ulu yang bergelar Datuk Johan. Kesahihan mereka sebagai Buapak Lingkungan dapat dibuktikan menerusi surat-surat yang disimpan oleh Datuk Johan.

"Bagaimanapun, selepas kematian Undang Kesembilan, anak-anak buah serta Buapak ketiga-tiga Rumpun ini mengisytiharkan diri mereka sebagai Waris Negeri yang layak menyanggah pesaka Datuk Kelana Putra ke-10.

"Kami juga mempunyai bukti sah termasuk surat-surat yang menunjukkan bahawa anak-anak Waris Negeri di Darat daripada Perut Hilir telah mengiktiraf ketiga-tiga Rumpun ini sebagai Waris Negeri. Kami amat menyesali perbuatan seumpama ini," katanya.

Mengenai dakwaan bahawa Rumpun Bayu dan Tinggang adalah berasal daripada keturunan Undang Keempat, Datuk Kelana Putra Kawal dan Rumpun Dusun pula berasal daripada

keturunan Undang Kelima, Datuk Kelana Putra Sendeng, jurucakap itu berkata ia adalah tidak benar sama sekali.

Menurutnya, Datuk Kelana Putra Kawal dan Sendeng adalah adik-beradik dan anak lelaki kepada Tok Tepi, yang bersuamikan Datuk Shahbandar Megat.

Ini, katanya dapat dibuktikan oleh Salasilah Keturunan Waris Negeri, isi kandungan Terombo Luak Sungai Ujong serta buku Sejarah Alam Melayu karangan Buyong Adil.

Jurucakap itu juga menolak dakwaan Rumpun Dusun bahawa salinan Terombo Asal Luak Sungai Ujong yang disimpan oleh Rumpun berkenaan berpindah tangan kepada anak-anak Waris Rumpun Bayu dan Tinggang menerusi "pujuk-rayu dan muslihat" ketika pemerintahan Datuk Kelana Putra Makmur (1889-1945).

Anak-anak Waris Rumpun Dusun semalam mendakwa bahawa mereka lebih berhak menyanggah pesaka Datuk Kelana Putra ke-10 kerana menjadi 'Waris Asal' di Luak Sungai Ujong.